

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai peranan pihak industri dalam membantu kebolehpasaran graduan, khasnya dalam usaha mempersiapkan diri para pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Tinggi sentiasa memastikan bahawa pengisian pembelajaran di peringkat universiti adalah selari dengan permintaan pasaran pekerjaan dan keperluan industri. Pelbagai program kerjasama yang terjalin antara pihak industri dan kementerian dengan bermatlamat ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan dan berfokus kepada program berimpak tinggi.

Antaranya adalah melalui pengenalan *Academia Talent Exchange Programme (AI-xChange) : CEO @ Faculty Programme*, di mana pelajar-pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademia dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan industri terkemuka antarabangsa serta tempatan. Pada tahun 2019, program ini telah berjaya mendapat penyertaan seramai 64 orang CEO yang terdiri daripada pelbagai sektor industri.

Antara keberhasilan dan impak dalam pengajaran dan pembelajaran melalui program adalah mahasiswa berpeluang memahami dunia sebenar melalui perkongsian pengalaman CEO daripada segi pengurusan pentadbiran, kepimpinan dan teknologi di lapangan. Perkongsian amalan terbaik dari sudut pandangan CEO membolehkan pelajar berfikir lebih kreatif dan inovatif serta berupaya berfikir di luar kotak, seterusnya mewujudkan pembelajaran lebih holistik.

Dalam usaha untuk memastikan program TVET relevan dengan keperluan industri, KPM telah dan sedang menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta / industri dalam memperkasakan TVET. Sehingga kini, sebanyak 825 *Memorandum of Understanding* (MoU) telah dibuat bersama industri sejak tahun 2013, sebanyak 609 *Note of Understanding* (NoU) serta sebanyak 5,137 *Letter of Intent* (LOI) telah ditandatangani.

KPM juga telah menandatangani MoU bersama pihak Sabah Shell, Sarawak Shell, Panasonic, Perodua, *United Engineers Malaysia Berhad* (UEM) dan Kedah Industrial Skills and Management Development Centre (KISMEC). Kerjasama strategik dengan industri ini amat penting dalam memastikan kebolehpasaran graduan TVET khususnya graduan kolej vokasional

KPM melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menekankan peranan industri dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pelbagai program khas, iaitu:

1. Program *Industry on Campus* dengan membawa persekitaran sebenar industri ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk merapatkan jurang atribut graduan dengan keperluan sebenar industri;
2. Sumbangan atau perkongsian peralatan di mana industri membawa masuk peralatan ke dalam institusi;
3. *Research & Development* bersama industri yang melibatkan penambahbaikan produk/servis termasuk Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN);

4. Penubuhan Majlis Penasihat Industri (MPI) berperanan memberi khidmat nasihat dalam aktiviti akademik dan kolaborasi; dan
5. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Kebolehpasaran (EAC) berperanan menyediakan maklumat hala tuju industri dan implikasinya terhadap permintaan dan bekalan tenaga kerja serta memberi input mengenai isu-isu sektor negara bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Ini akan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan ketidaksepadanan di dalam penawaran dan permintaan pasaran kerja. Selain itu juga, integrasi dan sinergi antara tenaga pakar industri dengan penyelidik universiti dan pelajar dapat diwujudkan. IPT juga berjaya beralih daripada beroperasi secara bersendirian kepada *quadruple helix* iaitu ekosistem inovasi yang saling berkaitan antara akademia, industri, kerajaan dan komuniti yang telah membentuk perkongsian sumber untuk pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.